

30/06/1998

KLIA: MAS beri jaminan khidmat terbaik

SEPANG, Isnin - Penerbangan Malaysia (MAS) memberi jaminan akan memberi khidmat penerbangan terbaik dan sempurna di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas membuat ujian komersil dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi.

Pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli, menyifatkan perpindahan MAS ke KLIA dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) sebagai berpindah ke 'rumah baru' dan kemungkinan berlaku beberapa masalah kecil tidak dapat dielakkan.

Menurutnya, MAS menjangka akan berlaku beberapa masalah kecil dalam sistem pengurusan penerbangan kerana ia belum diuji secara komersil di KLIA.

Beliau berkata, walaupun sistem pengurusan dan penerbangan MAS sudah diuji sejak beberapa bulan lalu, ujian secara komersil hanya bermula esok dengan penerbangan pertama ke Langkawi yang dinaiki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada jam 7 pagi.

"Kakitangan dan pegawai MAS perlu diberi masa beberapa bulan untuk memahirkan diri dengan sistem pengurusan dan penerbangan di KLIA seperti Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (Tams) yang mempunyai 21 sub-sistem.

"Sistem pengurusan di KLIA adalah moden dan canggih. Kami perlu diberi masa untuk memastikan segalanya berjalan lancar," katanya kepada pemberita selepas mengikuti perpindahan pesawat dari LTSAAS ke KLIA, di sini malam ini.

(END)